Konsep 1 Malaysia warnai Festival Bayu Kenyalang

Hampir 1000 pengunjung hadir memeriahkan Festival Bayu Kenyalang anjuran Sekretariat Mahasiswa Sabah Sarawak (SMASS) dengan kerjasama Unit Kebudayaan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni yang berlangsung dalam suasana meriah di Dewan Astaka UMP Gambang pada 26 April 2014 yang lalu.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) Profesor Dato' Yuserrie Zainuddin, festival yang dianjurkan pada kali kedua ini bertujuan memperkenalkan budaya etnik dan kehidupan masyarakat dari negeri Sabah dan Sarawak di samping dapat menyatupadukan warga UMP yang berbilang kaum dan bangsa.

Tambahnya, pihak pengurusan universiti sentiasa menyokong penuh aktiviti kebudayaan pelajar yang berbilang bangsa. Justeru, beliau menyeru kepada mahasiswa untuk memperbanyakkan lagi program yang dapat memberi impak terhadap melahirkan mahasiswa yang berdaya saing di peringkat global.

"Pendedahan budaya sebenarnya lebih luas, tidak kira sama ada melalui persembahan dan kebudayaan, segi bahasa, cara hidup dan juga kepelbagaian jenis makanan. Ianya secara tidak langsung dapat mempraktikkan lagi pengertian terhadap Slogan 1 Malaysia," katanya.

Beliau mengharapkan pengunjung dapat memahami bahawa Malaysia sememangnya mempunyai berbilang kaum.

Manakala menurut Pengarah Program, Ahmad Shahrom Muhd Shah pula, beliau amat gembira dengan sambutan yang menggalakkan dalam kalangan warga UMP dan bersyukur dengan sokongan yang diberikan oleh rakan mahasiswa dalam menjayakan program ini.

Pengunjung berpeluang menyaksikan persembahan yang menarik, antaranya adalah Tarian 1 Malaysia, Mini Sketsa Puteri Santubong, Tarian Rampaian Sabah dan jemputan khas dari Sabah iaitu kumpulan Bamboo Band Lembah Bamboo Kinabalu.

Selain persembahan kebudayaan, pengunjung bertuah juga dapat membawa pulang hadiah berupa hamper.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran Naib Canselor UMP, Profesor Dato ' Daing Nasir Ibrahim yang turut sama hadir merasmikan Festival Bayu Kenyalang. Hadir sama Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) Pahang, Yusof Jamaludin.

Sementara itu, menurut mahasiswa Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP), Nur Najwa Farhana Shahadan, 21, yang berkunjung ke festival buat kali keduanya berkata, beliau tidak pernah melepaskan peluang untuk datang ke program seperti ini kerana dapat menyaksikan persembahan menarik dan menghiburkan di samping memahami keunikan budaya masing-masing.

Tambah anak kelahiran negeri Pahang ini, selain dapat meningkatkan pengetahuan mengenai budaya masyarakat di Malaysia, program ini berjaya mengeratkan hubungan yang baik antara mahasiswa yang mempunyai latar belakang yang berbeza.